



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

SKMM Buka Pejabat Cawangan di Beaufort, Sabah

Beaufort: 6 April 2013 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka sebuah lagi pejabat cawangan di Sabah sebagai komitmennya untuk memastikan industri serta sektor komunikasi dan multimedia dapat berkembang pesat dan rakyat dapat menikmati kemudahan tersebut khususnya di negeri Sabah. Cawangan yang ketiga di Sabah itu terletak di Cerah Commercial Centre, Beaufort, Sabah dan mula beroperasi pada 27 Februari 2013.

“Penubuhan pejabat cawangan ini adalah selari dengan perkembangan industri telekomunikasi dan multimedia yang sedang pesat membangun di Malaysia amnya dan di Sabah khasnya. Ianya merupakan langkah strategik bagi memastikan program-program pembangunan fizikal dan bukan fizikal seperti Perluasan Liputan Selular TIME 3, Perluasan Liputan 3G, Kampung Tanpa Wayar, Pusat Internet 1Malaysia, Kempen Klik Dengan Bijak dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur,” ujar Dato’ Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

Menurut beliau lagi, selain Beaufort, kawasan tadbir urus pejabat baru SKMM itu akan meliputi 8 kawasan Parlimen iaitu Labuan, Papar, Kimanis, Sipitang, Tenom, Pensiangan dan Keningau. Ia juga meliputi 14 kawasan DUN dan 13 daerah yang berdekatan.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Kadar penembusan telefon selular di Sabah kini ialah 88.8% dengan jumlah langganan telefon selular mencecah 2.8 juta. Manakala kadar penembusan jalur lebar di “negeri di bawah bayu” itu tercatat pada 56.8%.

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat Komunikasi Strategik



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Strategik
Tel : +603 8688 8000
Faks : +603 8688 1007
E-mel : ccd@cmc.gov.my